

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk **membanteras kegiatan pinjaman wang haram daripada ‘Ah Long’** bagi mengelakkan orang ramai daripada menjadi mangsa keganasan sindiket ‘Ah Long’.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] diwujudkan bagi mengawal selia aktiviti pemberi pinjaman wang berlesen termasuklah kegiatan pemberi pinjaman wang haram atau lebih dikenali sebagai ‘Ah Long’.
2. Kerajaan sedia maklum mengenai kegiatan sindiket ‘Ah Long’ yang selalu menggunakan kekerasan untuk menuntut wang daripada peminjam-peminjam atau mangsanya. Bagi membanteras dan mengekang kegiatan ‘Ah Long’ ini, beberapa tindakan telah diambil sebagaimana berikut:

- (a) Setiap laporan polis yang diterima akan disiasat sewajarnya dan seterusnya tindakan mengesan dan menangkap Ah Long yang terlibat akan diambil untuk dihadapkan di Mahkamah;
- (b) “Op Vulture” dijalankan secara berterusan untuk mematahkan sindiket-sindiket ‘Ah Long’ dengan menangkap ketua-ketua sindiket serta ahlinya sebagai langkah pembanterasan kegiatan sindiket ini hingga ke akar umbi; dan
- (c) Pihak yang membantu atau bersubahat dengan aktiviti ‘Ah Long’ sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti meminjamkan akaun bank atau membantu mengedarkan risalah, poster, kad pinjaman atau sepanduk juga diberkas dan dituduh di mahkamah.

3. Hasil usaha penguatkuasaan serta pencegahan yang diambil telah menunjukkan pengurangan kes di mana pada tahun 2020 sebanyak 817 kes telah dilaporkan bagi tempoh Januari hingga 15 Oktober 2020 berbanding sebanyak 1,220 kes yang dilaporkan dalam tahun 2019. Pertuduhan terhadap saspek juga telah meningkat bagi tahun 2020 kepada 349 orang berbanding 280 orang yang dituduh bagi tahun 2019. Usaha ini akan terus dipergiatkan sehingga kegiatan menjalankan perniagaan pinjaman wang oleh sindiket ‘Ah Long’ dapat dihapuskan.

4. Selain daripada tindakan penguatkuasaan, beberapa program pencegahan dan kesedaran telah dilakukan bagi mengelakkan orang ramai dari menjadi mangsa keganasan sindiket ‘Ah Long’ iaitu seperti berikut:

- (a) Penjenamaan semula Syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) yang berlesen kepada Kredit Komuniti yang bertujuan untuk memberi satu perspektif baharu terhadap industri pemberi pinjam wang berlesen. Usaha penjenamaan ini adalah perlu untuk membezakan Kredit Komuniti dengan ‘Ah Long’. Syarikat-syarikat Kredit Komuniti ini juga dibezakan dengan penggunaan papan tanda dan QR code yang seragam bagi

memudahkan orang ramai untuk mengenal pasti syarikat Kredit Komuniti yang berlesen. Selaras dengan penjenamaan semula ini, nama Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai yang bertanggungjawab mengawal selia industri Kredit Komuniti juga telah diubah kepada Bahagian Kawalan Kredit Komuniti;

- (b) Pelbagai program / promosi mengenai perbezaan Kredit Komuniti dan 'Ah Long' dijalankan secara berterusan seperti pameran, ceramah, mengedarkan risalah dan poster kepada orang ramai, serta kempen kesedaran menerusi media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter untuk meningkatkan kesedaran kepada orang ramai agar tidak terjebak dan menjadi mangsa dengan pinjaman kredit yang tidak berlesen atau 'Ah Long'; dan
- (c) Aplikasi mobil i-KrediKom telah dilancarkan pada 5 April 2019 dan aplikasi mobil ini akan memudahkan orang awam membuat carian syarikat Kredit Komuniti yang berlesen di Semenanjung Malaysia selain memudahkan orang ramai membuat aduan. Aplikasi ini turut memberi penerangan mengenai hak sebagai peminjam dan jenis-jenis kesalahan di bawah Akta 400 dan peraturan-peraturan berkaitan.

5. Sekiranya terdapat apa-apa kemusykilan atau aduan berkaitan pemberi pinjam wang tanpa lesen ini, orang awam boleh merujuk kepada pihak KPKT melalui saluran e-aduan di laman web KPKT, aduan melalui aplikasi mobil dalam talian i-KrediKom atau aduan terus ke Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, KPKT di talian telefon 03-88914667. Orang awam turut dinasihatkan untuk terus membuat laporan polis di balai polis berdekatan sekiranya mendapati mereka telah terjebak dengan urusan pinjaman wang haram tersebut. Sekian, terima kasih.